

# KESAKSIAN DALAM KONTEKS UNDANG-UNDANG KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA\*: ANALISIS DARI PERSPEKTIF MAZHAB SYĀFI‘Ī

Oleh:  
*Ruzman Md. Noor\*\**

## ABSTRACT

*Law of Evidence has been enacted to provide the court with the rules and regulations pertaining to the determination of relevant facts and how they are proved during trial. One of the main method of proving is testimony by witnesses. In fact, this is the crucial part of the law which distinguish between the concept of witnesses applicable in Shariah Court and the one that applied in Civil Court. The objective of this article is to identify the influence of the Madhhab Shāfi‘ī in this respective method of proving by analyzing some provisions of the law. The law of evidence in Shariah Court has differentiates between the method of bayyinah and shahādah. The opinions from Madhhab Shāfi‘ī have dominated most of the provisions. However they are not strictly adhere to this particular mazhab and by employing the mechanism of al-talfiq, opinions from other scholars are also taken into consideration particularly on the issue of al-bayyinah and al-syahādah.*

---

\* Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri di Malaysia mempunyai Akta/Enakmen/Ordinan Keterangan Syariah masing-masing. Artikel ini asalnya Kertas kerja yang dibentangkan pada Seminar Jabatan Fiqh 22-23 Ogos 2007.

\*\* Prof. Madya, Jabatan Syariah dan Undang-undang & Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

## PENDAHULUAN

Artikel ini akan menyentuh dua aspek yang utama iaitu; i) peruntukan berkaitan kesaksian dalam Undang-undang Mahkamah Syariah di Malaysia dengan rujukan kepada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002 dan, ii) kesaksian menurut mazhab Syāfi‘ī dengan merujuk kepada 4 buah kitab utama mazhab. Penulisan ini bertujuan memaparkan sejauhmana pengaruh Mazhab Syāfi‘ī ke atas peruntukan berkaitan kesaksian yang telah dimasukkan ke dalam undang-undang negeri di Malaysia. Penulisan ini hanya memaparkan pendapat tokoh-tokoh besar mazhab tanpa mengulas metodologi fiqh mazhab Syāfi‘ī dan metode yang mereka gunakan dalam pengeluaran pendapat. Penilaian dibuat kepada empat aspek dalam kesaksian iaitu:

1. Konsep kesaksian
2. Syarat kelayakan saksi
3. Bilangan saksi
4. Kesaksian atas kesaksian

## LATAR BELAKANG UNDANG-UNDANG KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH

Undang-undang keterangan di Mahkamah Syariah digubal bagi membantu semua pihak yang terlibat untuk menegakkan perkara yang didakwa atau dituntut. Undang-undang ini diwujudkan dengan fungsi seperti berikut:

1. Menentukan apakah fakta yang boleh dikemukakan dalam mahkamah atau menentukan fakta yang relevan (*qarinah*);
2. Kaedah pembuktian atau cara bagaimana fakta-fakta relevan dibuktikan;
3. Siapa dan bagaimana pembuktian dikemukakan dalam sesuatu prosiding.

Dalam konteks perundangan Islam di Malaysia, Undang-undang Melaka dianggap sebagai undang-undang bertulis paling awal yang memperuntukkan sekurang-kurangnya 12 fasal berkaitan

Undang-undang Keterangan Islam.<sup>1</sup> Peruntukan yang berkaitan kesaksian dalam undang-undang ini termasuklah syarat saksi (Fasal 37.1), bilangan saksi (Fasal 37.2), saksi palsu (Fasal 38.4) dan saksi kes-kes hudud (Fasal 40.2 dan Fasal 42). Peruntukan-peruntukan ini adalah diambil daripada kitab mazhab Syāfi'i iaitu *Fath al-Qarīb* karangan Ibn Qāsim al-Ghāzi.<sup>2</sup>

Pada peringkat awal sejarah Tanah Melayu, kebanyakan undang-undang Negeri Melayu adalah diambil daripada Undang-undang Melaka seperti Undang-undang Melayu, Undang-undang Negeri, Undang-undang Johor, Undang-undang Pahang dan Undang-undang Johor.

Selepas kemerdekaan, Undang-undang Pentadbiran Agama Islam telah memasukkan peruntukan ringkas berkaitan keterangan Islam khususnya berkaitan kesaksian, sebagai contoh dalam seksyen 72 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1978 menyebut:

Mahkamah hendaklah mengikut segala peruntukan hukum Syarak berkenaan dengan bilangan, taraf atau kualiti saksi-saksi untuk keterangan yang dikehendaki bagi membuktikan satu-satu perkara. Selain daripada yang telah disebutkan, Mahkamah hendaklah mengambil perhatian di atas undang-undang keterangan yang berjalan kuatkuasanya pada masa itu dalam Negeri dan hendaklah berpandu di atas prinsip-prinsip undang-undang itu tetapi tidaklah terpaksa mengikutnya dengan tepat.

---

<sup>1</sup> Rujuk Liaw Yock Fang (1976), *Undang-undang Melaka*. The Hague: Martinus Nijhoff.

<sup>2</sup> Ahmad Ibrahim (Prof.)(1981), “Islamic Law in Malaysia”, dalam *Journal of Malaysia and Comparative Law*, Vol. 8, Part 1/2, Jan/Dec., h. 22; Abdul Monir Yaacob (1996), *Shariah Courts In Malaysia*”, dalam *International Seminar On The Administration of Islamic Laws*. Kuala Lumpur: IKIM, h. 1. Perbahasan terperinci tentang kandungan Undang-undang Melaka dan kaitannya dengan Hukum Syarak dibuat oleh Abu Bakar Abdullah (1986), *Ke Arah Pelaksanaan Undang-undang Islam Di Malaysia: Masalah Dan Penyelesaiannya*. Terengganu: Pustaka Damai.

Peruntukan ini adalah sangat umum dan rujukan masih boleh dibuat kepada Akta Keterangan 1950 sebagai undang-undang yang dipakai secara umum (*general application*). Rujukan kepada undang-undang ini kemudiannya dimansuhkan dengan kelulusan undang-undang khusus. Namun begitu dapat difahami bahawa pendekatan mazhab Syāfi‘ī adalah dirujuk dalam semua hal berkaitan dengan kesaksian dan Akta Keterangan 1950 dirujuk dalam hal-hal yang bersifat teknikal.

Negeri Kedah<sup>3</sup> dan Pahang<sup>4</sup> adalah negeri-negeri yang paling awal meluluskan undang-undang khusus berkaitan keterangan Islam dan kemudiannya telah diikuti oleh negeri-negeri yang lain. Semenjak itu, undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah ini telah mengalami beberapa perubahan kecil dengan mengekalkan kerangka dan struktur yang sama. Pihak berkuasa Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri telah berusaha menyeragamkan undang-undang ini. Senarai lengkap undang-undang berkenaan pada masa kini adalah seperti berikut:

1. Enakmen Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Terengganu 2001
2. Ordinan Keterangan Syariah Sarawak 2001
3. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002
4. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kelantan 2002
5. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Selangor 2003
6. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Perlis 2003
7. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Sembilan 2003
8. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Johor 2003
9. Enakmen Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Perak 2004
10. Ordinan Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Sabah 2004

---

<sup>3</sup> Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Kedah 1989 [No. 8 1990]

<sup>4</sup> Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Pahang 1990 [No. 1 1990]

11. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Pulau Pinang 2004
12. Enakmen Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Pahang 2005
13. Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan (Pindaan) 2005

## **METODOLOGI PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH SECARA UMUM**

Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah dirangka berdasarkan kerangka Akta Keterangan 1950. Akta Keterangan 1950 ini adalah berdasarkan Indian Evidence Act 1872 yang dirangka oleh Sir James Stephen berasaskan undang-undang komon Inggeris. Jadual berikut memaparkan kerangka perbandingan kedua-dua undang-undang.

Jadual 1: Perbandingan antara kerangka Akta Keterangan 1950 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002

<b>Akta Keterangan 1950</b>	<b>Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002</b>
Bahagian 1 Kerelevan	Bahagian 1 Kerelevan
Bahagian 2 Pembuktian	Bahagian 2 Pembuktian
Bahagian 3 Pengemukaan Dan Kesan Keterangan	Bahagian 3 Pengemukaan Dan Kesan Keterangan
	Bahagian 4 Bahagian Am

*Sumber: Akta Keterangan 1950 dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002.*

Kedua-dua undang-undang ini mempunyai banyak persamaan terutama dari sudut kerangka dan sebahagian besar peruntukan. Perbezaan atau penambahan yang dilakukan bagi Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah antara lain melibatkan perkara-perkara berikut:

1. Seksyen 3 berkaitan dengan tafsiran beberapa istilah yang bersumberkan Hukum Syarak.
2. Pemakaian istilah *qarīnah* menggantikan perkataan fakta berkaitan.<sup>5</sup>
3. Seksyen 72 berkaitan sumpah.
4. Seksyen 83 hingga 88 berkaitan *bayyinah* dan *syahādah*.
5. Seksyen 119 hingga 129 berkaitan dengan pemeriksaan saksi atau *tazkiyah al-syuhūd*.
6. Seksyen 130 berkaitan rujukan muktamad.<sup>6</sup>
7. Lain-lain tambahan kecil, pembuangan yang tidak relevan samada tidak selaras dengan Hukum Syarak atau tidak menepati bidangkuasa Mahkamah Syariah termasuklah di bahagian huraihan dan misalan.

Peruntukan-peruntukan di atas telah menjadikan undang-undang ini sebagai menepati Hukum Syarak terutamanya berkaitan kesaksian dan rujukan muktamad kepada Hukum Syarak dalam seksyen 130(1)(2). Ini bermaksud jika berlaku sebarang peruntukan yang tidak konsisten dengan Hukum Syarak maka ia akan terbatal. Sementara itu jika terdapat lakuna maka Hukum Syarak juga menjadi rujukan muktamad. Perkataan Hukum Syarak yang diberikan oleh seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002 sebagai:

---

<sup>5</sup> Rujuk Ahmad Ibrahim (Prof.)(1996), “Perkembangan Terkini Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah” (Kertas KERJA Bengkel Kebangsaan Undang-undang Keterangan Mahkamah di Syariah di Fakulti Pengajian Islam UKM, Bangi).

<sup>6</sup> Mahmud Saedon (Prof.)(1995), “Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah: Satu Analisis”, dalam Abdul Monir Yaacob, (ed.) *Undang-undang Keterangan Dan Prosedur di Mahkamah*. Kuala Lumpur: IKIM, hh. 90-91.

*Hukum Syarak ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Syafi'i atau mengikut mana-mana satu Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.*

Peruntukan yang baru ini berbeza dari sudut ini kerana Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah Negeri-negeri yang terdahulu merujuk kepada mana-mana mazhab yang sah menurut Hukum Syarak. Undang-undang yang baru ini mengehadkan kepada 4 mazhab sahaja dengan penekanan diberikan kepada Mazhab Syafi'i.

Berasaskan kepada perbandingan ringkas dalam jadual di atas, undang-undang yang dipakai di Mahkamah Syariah dari aspek keterangan ini mempunyai hubungkait yang sangat kuat dengan undang-undang yang telah sekian lama diamalkan di Mahkamah Sivil iaitu Akta Keterangan 1950. Pendekatan ini tidaklah sukar untuk difahami kerana sesuatu undang-undang itu tidak boleh digubal tanpa mengambilkira faktor-faktor tempatan. Setiap undang-undang dikatakan mempunyai hubungan sejarah serta berkait rapat dengan perkembangan masyarakat. Masyarakat dan pengamal undang-undang akan lebih mudah menerima kewujudan sesuatu undang-undang jika pembentukannya selaras dengan prinsip kesinambungan sejarah (*historical continuity*) dan isi kandungan undang-undang yang konsisten (*inner consistency*). Kedua-dua prinsip ini bermaksud bahawa sesuatu undang-undang yang hendak dilulus atau dilaksanakan perlu mengambilkira latarbelakang sistem perundangan serta undang-undang yang sedia berjalan. Dalam konteks undang-undang keterangan Islam ini, ia juga perlu diharmonikan dengan undang-undang yang sedia ada untuk memudahkan penerimaan dan pelaksanaannya.

Donald L. Horowitz berpendapat bahawa proses Islamisasi undang-undang di Malaysia boleh dikatakan sebagai yang paling sistematik di kalangan negara-negara Asia.<sup>7</sup> Pandangan beliau ini adalah berasaskan kepada usaha yang diambil oleh penggubal undang-undang untuk mengharmonikan undang-undang Inggeris dengan undang-undang Islam dalam ruang lingkup atau bidang

<sup>7</sup> Donald L. Horowitz (1994), “The Quran and The Common Law: Islamic Law Reform and The Theory of Legal Change”, *The American Journal Of Comparative Law*, Xlii (2&3), p. 236.

kuasa yang masih terhad.<sup>8</sup> Pendekatan ini tidak memberikan impak yang besar kepada sistem perundangan Malaysia dan ia lebih berupa usaha untuk mengujudkan undang-undang Islam yang lebih sistematis dan rasional.<sup>9</sup>

Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah adalah adaptasi daripada kerangka Akta Keterangan 1950 (Akta 56) yang berasal dari Indian Evidence Act 1872. Undang-undang di India ini dirangka oleh Sir James Stephen berdasarkan undang-undang komon Inggeris.<sup>10</sup>

Menurut Ahmad Ibrahim dan Mahmud Saedon, metode utama bagi membentuk Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah ini ialah melalui modifikasi undang-undang Inggeris. Peruntukan yang tidak bercanggah dengan Hukum Syarak akan diterima, ditambah pula dengan wujudnya peruntukan rujukan muktamad adalah kepada Hukum Syarak. Pendapat beberapa mazhab/ulama telah cuba diadaptasi dalam kerangka undang-undang yang sedia ada seperti pendapat Ibn al-Qayyim berkaitan konsep *al-bayyinah*.<sup>11</sup>

Islamisasi Undang-undang Keterangan Islam di Malaysia dilakukan melalui kaedah-kaedah berikut:

### Kaedah Pemansuhan (*Repugnancy method*)

Secara ringkasnya semua peruntukan yang bercanggah dengan Hukum Syarak dalam Akta Keterangan 1950 akan dimansuhkan.

---

<sup>8</sup> *Ibid.*

<sup>9</sup> Maria Luisa Seda-Poulin (1993), “Islamization and Legal Reform in Malaysia: The Hudud Controversy of 1992”, in *South East Asian Affairs*. Singapore: ASEAS, p. 228.

<sup>10</sup> Rujuk Sir James Fitzjames Stephen (1936), *A Digest Of The Law Of Evidence*. London: MacMillan.

<sup>11</sup> Ahmad Ibrahim (1995), “Perkembangan Terkini Undang-undang Islam di Malaysia”, dalam Monir Yaacob (ed.), *Undang –undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*. Kuala Lumpur: IKIM h. 4; Mahmud Saedon (1995), “Undang-undang Keterangan di Mahkamah Syariah”, dalam Monir Yaacob (ed.), *Undang-undang Keterangan dan Prosedur di Mahkamah*. Kuala Lumpur: IKIM 1995, h. 89.

Ini bermakna sebahagian besar peruntukan yang tidak bercanggah dengan Hukum Syarak adalah dikekalkan.<sup>12</sup> Sebagai contoh, seksyen 112 Akta Keterangan 1950 yang berkaitan dengan kesahtaraan anak telah tidak dimasukkan ke dalam Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah. Tempoh minima dan maksima yang membolehkan seseorang anak disabitkan dengan bapanya telah diperuntukkan dalam Undang-undang Keluarga Islam.

### **Kaedah *al-Istishāb* (Kedudukan asal sesuatu peruntukan)**

Kaedah ini berkaitan juga dengan kaedah yang pertama. Sebahagian besar peruntukan dalam Akta Keterangan 1950 telah diterimapakai dalam Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah berdasarkan kepada prinsip asal setiap sesuatu adalah harus dan diizinkan.<sup>13</sup> Oleh itu setelah melalui proses penapisan Hukum Syarak maka ia diterimapakai setelah dipastikan tidak bercanggah dengan bidangkuasa Mahkamah Syariah dan sebagainya.

### **Pemakaian Pelbagai Pendapat Mazhab dan Ulama**

Kaedah ini dilakukan melalui pendekatan *al-talfiq*. *Al-Talfiq* bermaksud gabungan dua atau beberapa pendapat ulama dalam satu masalah hingga melahirkan satu ketetapan hukum yang berbeza dari pendapat-pendapat asal tadi.<sup>14</sup> Pendekatan ini boleh menjadi alternatif dalam usaha mencapai *maqāṣid al-syari’ah* dalam

---

<sup>12</sup> Ahmad Ibrahim (1992), “Conflict Between Shariah Law and Common Law”: Problem and Solution” (Seminar on Shariah and Common Law In Malaysia, Law Faculty, IIUM), h. 14; Pendekatan yang sama digunakan semasa menggubal Qanun-e-Shahadat Pakistan 1984.

<sup>13</sup> Al-Šuyūṭī (1979), *Al-Asybāh wa al-Naẓā’ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 60; *The Mejelle*, Art. 8.

<sup>14</sup> Muḥammad Sa‘id al-Bānī (1981), ‘Umdah al-Tahqīq Fī al-Taqlīd wa al-Talfiq. Damsyiq: al-Maktab al-Islāmī, h. 91; Pendekatan ini sebenarnya diperselisihkan oleh ulama sama ada boleh digunakan atau tidak. Lihat Mohd. Saleh Ahmad (2005), “Penggunaan Taqlid dan Talfiq Dalam Fatwa: Satu Penilaian” dalam, *Risalah Ahkam*. Petaling Jaya: IMEP, h. 216; Pandangan terhadap pendekatan ini juga boleh dilihat dalam Al-Saffarīnī (1998) *Al-Tahqīq Fī Butlān al-Talfiq*. Saudi Arabia: Dār al-Samī’i.

sesuatu urusan. Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah di Malaysia telah menggunakan pendekatan ini secara yang agak liberal dalam beberapa peruntukan.<sup>15</sup> Sebagai contoh peruntukan seksyen 83-88 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002 yang berkaitan dengan saksi. Bahagian ini adalah merupakan salah satu peruntukan yang terbesar membezakan antara Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah dengan Mahkamah Sivil. Dalam bahagian ini, prinsip *bayyinah* diterimapakai sebagai lebih luas daripada *syahādah*. Pada masa yang sama juga syarat kelayakan saksi dan bilangan saksi seperti yang diterimapakai oleh Jumhur Ulama dan Mazhab Syāfi‘ī tetap diterima. Huraian lanjut berkaitan pemakaian pelbagai pendapat mazhab ini dibincangkan dalam topik berikutnya.

## **PERUNTUKAN BERKAITAN KESAKSIAN DALAM UNDANG-UNDANG KETERANGAN MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA DAN ANALISIS MENURUT MAZHAB SYĀFI‘Ī**

Sepertimana yang telah dijelaskan, peruntukan berkaitan dengan kesaksian adalah merupakan peruntukan yang terbesar yang membentuk imej Undang-undang Keterangan di Mahkamah Syariah. Untuk tujuan tersebut terdapat dua konsep yang mesti difahami dengan jelas iaitu konsep *al-bayyinah* dan *al-syahādah* serta kedudukannya dalam undang-undang berkenaan.

Analisis yang dibuat ini adalah berdasarkan 4 sub-topik di bawah dan digabungkan antara peruntukan undang-undang yang terpakai dan pandangan Mazhab Syāfi‘ī. Seperti yang telah disebutkan dipermulaan artikel ini dalam konteks undang-undang, penulis merujuk kepada Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002. Sementara itu, dalam konteks mazhab Syāfi‘ī, rujukan dibuat kepada rujukan utama mazhab iaitu *al-Umm*, *Mughni al-Muhtāj*, *Nihāyah al-Muhtāj* dan *al-Iqnā‘*. Untuk tujuan penulisan ini, pandangan mazhab Syāfi‘ī adalah bermaksud pandangan

---

<sup>15</sup> Mahmud Saedon (1995), *op.cit.*, h. 89; Ahmad Ibrahim (1995), *op.cit.*, h. 9.

ulama yang disebut dalam kitab-kitab berkenaan atau sebarang pentarjihan yang disebutkan.

## Konsep Kesaksian (*Bayyinah* dan *Syahadah*)

### *Menurut Undang-undang*

Perkataan *al-syahādah* dan *al-bayyinah* mempunyai kaitan yang sangat rapat sehingga perbincangan tentang keduanya tidak dapat dipisahkan dan saling berkait. Perkataan *al-bayyinah* berasal daripada perkataan arab *ba-ya-na* yang membawa maksud nyata dan terang. Dari sudut bahasa perkatan *al-bayyinah* juga membawa erti dalil atau hujah.<sup>16</sup> *Kamus Besar Arab-Melayu DBP* menjelaskan perkataan *al-bayyinah* dengan maksud hujah keterangan.<sup>17</sup>

Dari sudut istilah, perkataan *al-bayyinah* sama ertinya dengan keterangan (*evidence*).<sup>18</sup> Ibn Qayyim menjelaskan konsep *al-bayyinah* dengan maksudnya:

*"Al-bayyinah adalah nama bagi segala sesuatu yang boleh menjelas dan menunjukkan kebenaran.... Perkataan al-burhān, al-āyah, al-tabṣirah, al-'alāmah, dan al-'amārah adalah mempunyai maksud yang sama dengan al-bayyinah...."*<sup>19</sup>

Perkataan *al-bayyinah* ini adalah umum dan ianya merangkumi semua bentuk keterangan yang digunakan untuk membuktikan kebenaran sesuatu perkara termasuklah *al-syahādah*, *al-iqrār*, *al-yamīn* dan *al-qarīnah*.

Perkataan *al-bayyinah* dalam al-Quran membawa maksud di atas seperti Ayat 25 Surah al-Hadid yang bermaksud: "Demi

<sup>16</sup> Al-Fayūmī (1926), *Al-Miṣbah al-Munīr*, j. 1. (t.t.p): Al-Maṭba 'ah al-Amīriyyah, h. 97.

<sup>17</sup> *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan* (2006). Kuala Lumpur: DBP, h. 197.

<sup>18</sup> Ḥarīth Sulaymān al-Fārūqī (1995), *Al-Mu'jam al-Qanūnī*. Beirut: Maktabah Lubnan, h. 80.

<sup>19</sup> Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1961), *Al-Turuq al-Hukmiyyah Fī Siyāsah al-Syar'iyyah*. Kaherah: Mu'assasah al-'Arabiyyah, h. 13.

*sesungguhnya kami telah utuskan Rasul-rasul kami dengan membawa keterangan (al-bayyinat) yang nyata”.*

Perkataan *al-bayyinah* disebut oleh Rasulullah dalam hadis baginda yang bermaksud: “*Al-Bayyinah ke atas pihak yang menuntut sementara sumpah ke atas pihak yang engkar*”.<sup>20</sup>

Pemakaian prinsip *bayyinah* di Malaysia adalah berdasarkan antara lain kepada tafsiran secara bahasa dan istilah yang telah dinyatakan di atas iaitu *bayyinah* itu istilah umum merangkumi semua kaedah yang boleh menentukan kebenaran atau kepalsuan sesuatu yang dipertikaikan.<sup>21</sup> Peruntukan mengenai *bayyinah* ini merupakan aspek yang terbesar yang membezakan antara undang-undang keterangan Mahkamah Syariah dengan Akta Keterangan 1950.

Peruntukan undang-undang berkaitan *bayyinah* yang dipakai di Mahkamah Syariah Malaysia adalah seperti berikut:

Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002 menjelaskan; ‘*bayyinah*’ ertiannya keterangan yang membuktikan sesuatu hak atau kepentingan dan termasuklah *qarinah*.

Sementara perkataan “keterangan” termasuklah:

(a) *bayyinah* dan *syahādah*;

(b) segala pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki oleh Mahkamah dibuat di hadapannya oleh saksi berhubungan

---

<sup>20</sup> Al-Šan ‘ani (1996), *Subul al-Salām*, j. 4. Beirut: Dār al-Ma ‘rifah, h. 204.

<sup>21</sup> Prof. Tan Sri Datuk Ahmad Mohamed Ibrahim (1996), “Perkembangan Terkini” Undang-undang Keterangan Syariah Di Malaysia” (Kertas Kerja Bengkel Kebangsaan Undang-undang Keterangan Di Mahkamah Syariah di Fakulti Pengajian Islam, UKM, 13 Mac 1996). Juga lihat Prof. Dato’ Dr. Mahmud Saedon A. Othman (1989), “Pembuktian: Kepentingan Beban dan Hukumnya,” *Jurnal Hukum*, j. vi, bhg. II, Ogos 1989, hh. 180-184. Juga lihat Mahmud Saedon (1995), “Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah: Satu Analisis”, *op.cit.*, hh. 67-96.

*dengan perkara-perkara yang disiasat: pernyataan sedemikian disebut keterangan lisan;*

*(c) segala dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan Mahkamah: dokumen sedemikian disebut keterangan dokumentar.*

Perkataan *syahādah* dan saksi ditafsirkan oleh sekyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002 seperti berikut:

*“Syahādah” ertinya apa-apa keterangan yang diberikan di Mahkamah dengan menggunakan lafadz “asyhadu” untuk membuktikan sesuatu hak atau kepentingan “saksi” tidak termasuk plaintiff, defendant dan orang tertuduh.*

Walaupun perkataan *bayyinah* ini umum, pemakaianya di Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu seperti antara lain syarat saksi, sifat saksi dan bilangan saksi.<sup>22</sup> Ini bermaksud, samada seseorang saksi memberikan keterangan secara *bayyinah* atau *syahādah*, ia masih terikat dengan syarat-syarat tertentu yang digariskan oleh undang-undang. Berdasarkan pendekatan ini, saksi-saksi yang mempunyai hubungan yang diragui atau ditohmah samada kerana hubungan baik atau tidak dengan pihak-pihak dalam perbicaraan masih diterima keterangan mereka atas dasar *bayyinah* dan terpulang kepada pihak Mahkamah bagi menentukan status keterangan berkenaan.<sup>23</sup>

Pendekatan yang dikemukakan oleh sebahagian ulama yang meletakkan *bayyinah* itu sebagai umum adalah diterimapakai di dalam undang-undang Mahkamah Syariah di Malaysia. Pemakaian prinsip *bayyinah* dan perbezaannya dengan *syahādah* diperjelaskan di dalam bab 2 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002 seperti huraian dalam syarat-syarat kelayakan saksi.

---

<sup>22</sup> Mohd. Saleh Hj. Ahmad (2005), “Al-Bayyinah Dan Beban Pembuktian: Teori dan Amalan di Mahkamah Syariah”, dalam *Risalah Ahkam*. Petaling Jaya: IMAP. h. 52.

<sup>23</sup> Mahmud Saedon (1995), *op.cit.*, h. 11.

### *Menurut Mazhab Syāfi‘ī - Konsep Kesaksian*

*Al-Syahādah* dari sudut bahasa bermakna hadir. Ia juga bermaksud perkhabaran yang pasti (*khabar qat‘ī*).<sup>24</sup> Perkatan ini sama maknanya dengan *al-bayyinah* kerana melalui keterangan ini, sesuatu kebenaran dapat diperjelaskan.<sup>25</sup> Perkatan *al-bayyināt* adalah kata *jam‘* kepada *al-bayyinah* yang bermakna saksi kerana dengannya sesuatu hak dapat dijelaskan.<sup>26</sup> Dari sudut istilah ia bermaksud suatu perkhabaran tentang sesuatu dengan lafadz yang khusus iaitu lafadz *asyhadū* (aku bersaksi atau aku naik saksi).<sup>27</sup> Pensabitan kesaksian ini adalah berdasarkan kepada ayat-ayat Al-Quran dan Hadith yang sahih.<sup>28</sup>

### **Syarat-syarat Kelayakan Saksi**

#### *Menurut Undang-undang*

Syarat-syarat saksi dijelaskan dalam Seksyen 83(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002 seperti berikut:

Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten untuk memberikan syahādah atau bayyinah sebagai saksi dengan syarat bahawa mereka adalah *aqil*, *baligh*, *adil*, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Sementara itu subseksyen 83(2) hingga (7) menyebut bahawa orang yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas yakni syarat-syarat untuk memberikan syahādah adalah boleh memberikan keterangan sebagai saksi atas dasar *bayyinah* dan bukan *syahadah*. Peruntukan-peruntukan berkenaan adalah seperti berikut:

<sup>24</sup> Al-Sharbīnī (1997), *Mughnī al-Muhtāj*, j. 4. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, h. 567.

<sup>25</sup> *Ibid.*, j. 8, h. 613; Al-Ramlī (1938), *Nihāyah Al-Muhtāj*. Mesir: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, h. 314.

<sup>26</sup> Al-Ramlī (1938), *ibid.*, h. 314; Al-Sharbīnī (t.t), *Al-Iqnā‘*, j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 627.

<sup>27</sup> Al-Ramlī (1938), *op.cit*, j. 8, h. 288.

<sup>28</sup> Al-Syāfi‘ī (t.t), *Al-Umm*. j.7. (t.t.p.), h. 40.

83(2) Seorang yang bukan Islam adalah berwibawa untuk memberikan *bayyinah* untuk orang Islam jika keterangannya boleh diterima mengikut Hukum Syarak.

Huraian – Bayyinah seorang pakar bukan Islam terhadap seseorang Islam boleh diterima, jika dikehendaki.

83(3) Seseorang yang tidak adil ialah berwibawa untuk memberikan bayyinah tetapi tidak berwibawa memberikan syahadah.

83(4) Seseorang yang belum baligh atau seseorang yang tak sempurna akal adalah berwibawa untuk memberikan bayyinah tetapi tidak berwibawa memberikan syahadah.

Huraian-Bayyinah seorang yang belum dewasa dalam kes kecederaan yang dilakukan oleh beberapa orang yang belum dewasa ke atas yang lain boleh diterima dengan syarat bahawa mereka tiada perselisihan faham dan mereka berada di tempat kejadian itu.

83(5) Seseorang yang mempunyai ingatan yang lemah atau yang pelupa atau mengidap hilang ingatan adalah berwibawa untuk memberikan *bayyinah* tetapi tidak berwibawa memberikan *syahadah*.

83(6) Seseorang yang kebolehpercayaannya diragui kerana hubungan baiknya dengan dan mempunyai kepentingan dengan pihak menentang adalah berwibawa untuk memberikan bayyinah tetapi tidak berwibawa memberikan syahadah.

83(7) Seseorang yang kebolehpercayaannya diragui kerana hubungan buruknya dengan pihak menentang adalah berwibawa untuk memberikan *bayyinah* tetapi tidak berwibawa untuk memberikan *syahadah*.

Seksyen 84 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002 membenarkan keterangan saksi bisu atas dasar *bayyinah* dengan syarat keterangan ini hendaklah diberikan dalam mahkamah terbuka. Sementara seksyen 85 menghuraikan bahawa

keterangan suami dan keterangan anak terhadap (menentang) isteri dan ibubapanya (atau sebaliknya) adalah diterima sebagai *syahādah* dan *bayyinah* mengikut mana yang sesuai. Akan tetapi keterangan pihak-pihak tersebut untuk faedah pihak yang satu lagi adalah diterima sebagai *bayyinah* sahaja. Ini adalah kerana suami isteri , anak dan ibubapa adalah dianggap mempunyai hubungan baik dan ada tohmahan jika keterangan diberikan untuk faedah dan kebaikan pihak yang satu lagi, maka dengan sebab itu ia tidak memenuhi kehendak dan syarat *syahādah*.

### *Menurut Mazhab Syāfi‘ī – Syarat Kelayakan Saksi*

Secara umumnya, syarat-syarat saksi menurut Imam al-Nawawi<sup>29</sup> ialah beragama Islam, merdeka, mukallaf, adil menjaga maruah dan tidak ada tohmahan.<sup>30</sup> Syarat beragama Islam, dewasa dan berakal dikatakan sebagai telah diterima secara *Ijma‘* oleh ulama.<sup>31</sup> Perbincangan secara terperinci adalah seperti berikut:

1. Muslim dan baligh – al-Syāfi‘ī menegaskan bahawa kanak-kanak, hamba dan orang kafir tidak diterima kesaksian mereka. Tetapi jika semasa menyampaikan kesaksian (*ada’ al-syahādah*) saksi berkenaan telah baligh, telah merdeka dan telah memeluk Islam, maka ia diterima.<sup>31</sup> Kesaksian orang kafir ke atas muslim tidak diterima dan begitu juga kesaksian orang kafir ke atas orang kafir yang lain. Pendapat ini menyalahi pendapat Imam Abū Ḥanīfah yang menerima kesaksian kafir ke atas kafir dan penerimaan Imam Ahmad dalam kes wasiat.<sup>32</sup>
2. Adil-Adil bermaksud meninggalkan dosa besar dan tidak berterusan atas dosa kecil.<sup>33</sup> Terdapat di kalangan ulama mazhab Syāfi‘ī yang menerima kesaksian orang *fasiq* berdasarkan darurat (*al-amthal fa al-amthal*) kerana tidak ada yang adil namun begitu pendapat ini ditolak oleh Ulama

<sup>29</sup> Al-Ramli (1938), *op.cit.*, j. 8, h. 277; Al-Sharbīnī (1997), *op.cit.*, j. 4, h. 569.

<sup>30</sup> Al-Ramli (1938), *ibid.*

<sup>31</sup> Al-Syāfi‘ī (t.t), *op.cit.*, j. 7, h. 43.

<sup>32</sup> Al-Sharbīnī (1997), *op.cit.*, h. 569.

<sup>33</sup> Al-Ramli (1938), *op.cit.*, h. 278.

lain seperti Ibn Abd al-Salām kerana ia bercanggah dengan maslahat.<sup>34</sup>

3. Menjaga maruah - orang yang tidak bermaruah biasanya tidak malu dan akan melakukan apa sahaja tanpa segan silu seperti yang telah dinyatakan oleh Rasulullah.<sup>35</sup> Imam al-Nawawi mentafsirkan bermaruah sebagai berakhlak dengan akhlak yang boleh diterima berdasarkan zaman dan tempat serta ‘urf termasuklah makan di pasar, berjalan dengan kepala tidak bertutup, mencium isteri di hadapan orang ramai, banyak bercerita, banyak ketawa, menyanyi dan banyak bermain.<sup>36</sup>
4. Tiada tohmahan - syarat ini menekankan bahawa sesiapa sahaja yang memiliki tohmahan akan menyebabkan kesaksiannya ditolak. Ini kerana ia menimbulkan keraguan dan menjelaskan kebenaran kesaksian.<sup>37</sup> Tohmah bermaksud ada kepentingan yang boleh dicapai atau ada kemudaratan yang boleh ditolak dengan kesaksian tersebut. Perkara ini boleh timbul akibat hubungan baik atau permusuhan. Tohmahan boleh timbul antara lain daripada situasi berikut:
  - a. Imam al-Syāfi‘ī mengatakan tidak harus kesaksian bapa bagi anaknya, cucu dan seterusnya ke bawah. Demikian juga tidak diterima kesaksian bagi bapanya.<sup>38</sup> Imam al-Nawawi menyebut tidak diterima kesaksian anak-ibubapa bagi faedah pihak masing-masing tetapi diterima jika menentang pihak-pihak tersebut. Imam al-Ramli menyebut penerimaan ini adalah kerana hubungan mereka biasanya baik dan tiada tohmah. Tetapi jika hubungan itu sudah tidak baik maka tidak diterima juga.<sup>39</sup>
  - b. Kesaksian suami isteri adalah diterima. Mengikut

<sup>34</sup> Al-Ramli (1938), *op.cit.*, h. 277.

<sup>35</sup> Hadis Riwayat Bukhārī, Abu Dawūd, Ibn Mājah dan Aḥmad

<sup>36</sup> Al-Ramli (1938), *op.cit.*, hh. 283-285.

<sup>37</sup> *Ibid.*, h. 277; Al-Sharbīnī (1997), *op.cit.*, h. 569.

<sup>38</sup> Al-Syāfi‘ī, (t.t), *op.cit.*, j. 7, h. 42.

<sup>39</sup> Al-Ramli (1938), *op.cit.*, h. 287.

al-Syāfi‘ī<sup>40</sup> kesaksian bagi isteri dan saudara mara adalah diterima kerana tidak ada dalil samada dari sudut *khabar* (Hadis), *qiyyas* dan rasional. Sementara itu mengikut al-Ramli, hubungan mereka (suami isteri) adalah berdasarkan perkahwinan dan hubungan tidak kekal dan boleh hilang. Al-Ramli berpendapat seorang suami tidak boleh menjadi saksi ke atas tuduhan isterinya berzina meskipun bersama 3 saksi yang lain kerana itu adalah petunjuk kepada wujudnya permusuhan yang paling buruk antara suami isteri tersebut.<sup>41</sup> Permusuhan menimbulkan tohmannan dan keraguan.

5. Boleh melihat – Al-Syāfi‘ī menerima saksi buta jika semasa sabit kesaksian ia masih nampak.<sup>42</sup> Kes-kes yang boleh dilihat perlu dibuktikan dengan penglihatan. Saksi bisu boleh diterima bagi kes-kes sebegini kerana kesaksian boleh disempurnakan dengan penglihatan walaupun saksinya tidak boleh bercakap. Bagi kes-kes yang faktanya adalah lafaz seperti akad maka diperlukan saksi yang boleh melihat dan mendengar. Tidak memadai dengan dengar sahaja kerana tidak dapat disabitkan secara berat sangka (*ghalabah al-żan*) tentang siapa yang melafazkan. Ini ialah kerana suara sahaja masih mengandungi syubhat.<sup>43</sup>

## Bilangan Saksi

### *Menurut Undang-undang*

Bilangan saksi diperuntukkan dalam seksyen 86 dan 88 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002 yang boleh dirumuskan seperti berikut:

1. Keterangan oleh tiga orang saksi lelaki diperlukan untuk membuktikan dakwaan seseorang yang dikenali sebagai kaya bahawa dia telah menjadi papa.

---

<sup>40</sup> Al-Syāfi‘ī, (t.t), *op.cit.*, j. 7, h. 42.

<sup>41</sup> Al-Ramli (1938), *op.cit.*, h. 288.

<sup>42</sup> Al-Syāfi‘ī (t.t), *op.cit.*, j. 7, hh. 42 dan 83-84.

<sup>43</sup> Al-Ramli (1938), *op.cit.*, h. 299.

2. Keterangan oleh seorang saksi lelaki yang adil mencukupi dalam hal melihat anak bulan.
3. Keterangan seorang lelaki adalah mencukupi dalam kes-kes seorang guru yang melibatkan murid sekolah, keterangan pakar dalam menilai barang rosak, keterangan mengenai penerimaan dan penolakan saksi, pemberitahuan mengenai pemecatan wakil serta keterangan tentang kecacatan dalam mana-mana barang jualan.
4. Keterangan seorang perempuan adalah mencukupi untuk buktikan fakta yang biasanya dilihat oleh atau dalam pengetahuan seorang perempuan.
5. Dalam kes *mal*, jika plaintif hanya berjaya kemukakan seorang saksi, maka keterangan saksi itu hanya boleh diterima jika disertakan dengan sumpah plaintif berkenaan.
6. Selain daripada bilangan saksi di atas, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang lelaki dan dua orang saksi perempuan.

### *Menurut Mazhab Syāfi‘ī –Bilangan Saksi*

Bilangan saksi menurut mazhab Syāfi‘ī adalah seperti berikut:<sup>44</sup>

1. Seorang saksi lelaki yang melihat anak bulan boleh diterima dalam mensabitkan masuk bulan Ramadhan menurut pendapat yang *azhar*. Tetapi Al-Imam al-Syāfi‘ī mensyaratkan kesaksian dua orang saksi.<sup>45</sup>
2. Empat orang lelaki disyaratkan dalam kes zina-sepakat dalam mazhab.
3. Dalam hal-hal lain dua orang saksi lelaki atau seorang lelaki bersama dua orang wanita adalah diterima.
4. Bagi kes-kes yang biasanya dilihat oleh wanita, al-Nawāwī mensyaratkan dua lelaki atau empat wanita. Imam al-Syāfi‘ī menerima kesaksian wanita dalam hal-hal yang berkaitan aurat wanita atau yang biasanya hanya dilihat oleh wanita dengan syarat ia hendaklah disaksikan oleh empat orang wanita berdasarkan metode *qiyās* kepada

---

<sup>44</sup> Al-Ramlī (1938), *op.cit.*, h. 293.

<sup>45</sup> Al-Syāfi‘ī (t.t), *op.cit.*, h. 44.

arahan Allah bahawa seorang lelaki bersamaan dengan dua wanita. Menurut al-Syāfi‘ī lagi, dalam isu-isu lain wanita tidak boleh menjadi saksi tanpa bersama-sama mereka saksi lelaki.<sup>46</sup>

5. Kes-kes yang boleh menerima saksi seorang lelaki dan dua wanita boleh diganti dengan seorang saksi lelaki bersama sumpah penuntut.

### **Keterangan Dendar Cakap (Kesaksian atas kesaksian orang lain)**

#### *Menurut Undang-undang*

Pada prinsipnya keterangan lisan yang diberikan oleh saksi mestilah secara langsung. Peruntukan berkaitan keterangan langsung disebut dalam seksyen 47(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002:

Dalam segala hal apa juu pun, keterangan lisan hendaklah diberikan secara langsung.

Keterangan langsung bermaksud jika fakta itu boleh dilihat maka keterangan saksi mengatakan bahawa ia telah melihat fakta itu. Demikian juga bagi fakta yang boleh didengar atau ditanggapi dengan lain-lain pancaindera, maka keterangan perlulah diberikan oleh orang yang mendengar atau orang yang menanggapi fakta itu.

Namun begitu terdapat kekecualian terhadap prinsip ini seperti yang dinyatakan antara lain dalam seksyen 20 seperti berikut:

Pernyataan, bertulis atau lisan, mengenai fakta relevan yang dibuat oleh seseorang yang telah mati atau yang tidak dapat dijumpai, atau yang telah menjadi tak upaya untuk memberikan keterangan, atau yang kehadirannya tidak boleh didapatkan tanpa kelengahan atau perbelanjaan yang pada pendapat Mahkamah tidak munasabah dalam hal keadaan kes itu, ialah qarinah dalam hal-hal berikut.

---

<sup>46</sup> Al-Syāfi‘ī (t.t), *op.cit.*, hh. 43 dan 79-80.

Peruntukan di atas adalah sama dengan seksyen 32 Akta Keterangan 1950 kecuali tambahan-tambahan berikut yang dimasukkan bagi memenuhi keperluan Hukum Syarak berkaitan kesaksian atas kesaksian orang lain iaitu:

1. Perkataan fakta berkaitan diganti dengan *qarīnah*, yang merupakan sebahagian daripada *bayyinah*.
2. Tambahan Subseksyen (2) yang menyebut bahawa keterangan tersebut hendaklah diberikan oleh sekurang-kurangnya dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi wanita
3. Tambahan subseksyen (3) yang meletakkan syarat bahawa keterangan itu tidak boleh diterima dalam keadaan berikut:
  - a. jika orang yang membuat pernyataan itu melarang ia diberikan sebagai keterangan
  - b. jika orang yang membuat pernyataan itu hilang wibawa untuk memberi keterangan
  - c. jika orang yang membuat pernyataan enggan beri keterangan disebabkan kesilapan dan lain-lain.

*Menurut Mazhab Syāfi‘ī - Al-Syahādah ‘alā Al-Syahādah (Keterangan dengar cakap)*<sup>47</sup>

Kesaksian dengar cakap atau *al-syahādah ‘alā al-syahādah* secara umumnya diterima dalam kes-kes kehartaan dan dalam kes-kes jenayah tertentu menurut Mazhab Syāfi‘ī.<sup>48</sup> Kesaksian atas kesaksian bermakna saksi yang hadir ke mahkamah bukan saksi yang mendapat maklumat itu secara langsung tetapi diperolehi melalui saksi asal yang sebenarnya menyaksikan apa yang berlaku. Pada prinsipnya kesaksian jenis ini tidak diterima kerana tidak wujud keterangan langsung.

Menurut Mazhab Syāfi‘ī, kesaksian ini boleh berlaku dalam keadaan-keadaan berikut:

<sup>47</sup> Keterangan dengar cakap adalah konsep yang mempunyai elemen-elemen atau ciri-ciri yang sama antara Akta Keterangan 1950 dan Undang-undang Islam/Hukum Syarak. Namun begitu ia tidaklah mempunyai kesamaan sepenuhnya.

<sup>48</sup> Al-Ramlī (1938), *op.cit.*, hh. 307-309.

1. Saksi asal (*syāhid al-asl*) berkata kepada saksi ganti (*syāhid al-far'i*): “*aku telah menyaksi kes tertentu maka jadilah kamu saksi bagi pihak aku*”
2. Saksi ganti mendengar kesaksian ini diberikan oleh saksi asal dalam mahkamah
3. Saksi ganti perlu dengar kesaksian saksi asal yang lengkap dan jelas dengan syarat diberi izin oleh saksi asal

Penerimaan kesaksian jenis ini pula disyaratkan seperti berikut:

1. Seorang saksi asal perlu digantikan oleh dua orang saksi lelaki. Oleh itu jika saksi asalnya dua orang lelaki, maka saksi gantinya adalah empat orang lelaki. Al-Imām al-Syāfi'i walaupun mengharuskan *al-syahādah 'alā al-syahādah*, tetap menolak kesaksian ganti daripada kalangan wanita meskipun terdapat saksi wanita di kalangan saksi asal.<sup>49</sup>
2. Saksi asal tidak berkeupayaan memberikan kesaksian di majlis penghakiman dengan sebab sakit, mati, menjadi buta atau berada pada jarak yang jauh.
3. Nama saksi asal mesti dijelaskan dalam memberi keterangan.

## PENUTUP

Berdasarkan perbincangan di atas, secara umumnya didapati bahawa istilah *bayyinah* dan *syahādah* adalah berkait rapat. Secara umumnya, *bayyinah* itu adalah umum dan *syahādah* itu lebih khusus. Perbezaan yang ketara adalah apabila saksi secara *syahādah* memberi keterangan dengan lafadz *ashadu*, boleh dikenakan prosedur *al-tazkiyyah*<sup>50</sup> dan mengambilkira syarat-

<sup>49</sup> Al-Syāfi'i (t.t), *op.cit.*, j. 7, h. 44.

<sup>50</sup> Suatu peruntukan yang berkaitan dengan kesaksian dalam undang-undang di Mahkamah Syariah adalah berkaitan dengan prinsip *tazkiyah al-syuhud* yang merangkumi seksyen 119 hingga 129 bagi menentukan samada seseorang saksi itu adil atau tidak melalui pemeriksaan rahsia atau terbuka. Peruntukan ini melengkapkan peruntukan berkaitan syahadah di atas. Seksyen 119 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002 menyebut:

*Jika seorang saksi telah memberikan keterangannya melalui*

syarat tertentu sepermata yang diperuntukkan dalam seksyen

---

*syahādah dan Hakim mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa dia tidak adil, Hakim hendaklah memerintahkan supaya saksi itu diperiksa sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini.*

Huraian- Jika didapati oleh Hakim bahawa seorang saksi yang telah memberikan syahadah itu tidak boleh dipercayai dia hendaklah menyebabkan saksi itu diperiksa untuk menentukan sama ada dia seorang yang adil atau sebaliknya.

Implikasi saksi yang tidak adil dinyatakan dalam seksyen 126 seperti berikut:

Apabila mana-mana pihak kepada sesuatu prosiding mengisyiharkan mana-mana saksi pihak menentang sebagai tidak adil, samada sebelum atau selepas pemeriksaan saksi itu di bawah seksyen 121 atau 123 dengan mengemukakan apa-apa keterangan yang boleh mencegah penerimaan keterangannya, Hakim hendaklah menghendaki pihak itu membuktikan fakta itu.

Huraian- Apabila defendan membuktikan bahawa mana-mana saksi tidak adil, Hakim hendaklah menolak keterangan saksi itu tetapi jika defendant tidak dapat membuktikan faktanya Hakim hendaklah meneruskan pemeriksaan saksi itu jika dia belum berbuat demikian atau memberikan keputusannya mengikut keterangan jika dia telah menjalankan pemeriksaan itu.

Jika kita merujuk kepada peruntukan seksyen 83(3), penolakan ini sepatutnya membawa maksud bahawa keterangan saksi ini masih diterima atas dasar *bayyinah* dan hilang kewibawaannya untuk memberi keterangan atas dasar *syahādah*.

Secara kesimpulannya undang-undang di Mahkamah Syariah menerima pakai konsep *syahādah* sebagai sebahagian daripada konsep *bayyinah* yang luas, yang merangkumi semua bentuk keterangan yang boleh menjelaskan hak. Pada masa yang sama keterangan saksi ini masih terikat kepada beberapa syarat seperti kelayakan dan bilangan saksi. Seseorang saksi yang memberikan keterangan di Mahkamah Syariah memberikan kesaksian samada secara *bayyinah* atau *syahādah* tertakluk kepada syarat yang keperluan kedua-dua bentuk keterangan. Saksi-saksi ini juga tertakluk kepada syarat bilangan tertentu dan jika bekaitan terakluk kepada proses *tazkiyah al-syuhūd*.

83, 84, 85 dan 86 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Melaka 2002. Pandangan dalam Mazhab Syāfi‘ī mendominasi peruntukan-peruntukan undang-undang ini. Oleh itu terdapat keadaan-keadaan tertentu seseorang saksi itu memberi keterangan dalam bentuk bayyinah tetapi diterima oleh Mazhab Syāfi‘ī sebagai syahadah seperti kesaksian suami/isteri. Mohd. Saleh Hj. Ahmad menyimpulkan bahawa perbezaan ini hanyalah dari sudut istilah sahaja dan berdasarkan amalan, yang afdal dan rajih istilah bayyinah itu lebih umum daripada syahadah.<sup>51</sup>

Oleh kerana undang-undang yang dipakai adalah berdasar kerangka Akta Keterangan 1950, beberapa modifikasi tertentu perlu dilakukan seperti memasukkan tafsiran istilah keterangan yang merangkumi *al-bayyinah/al-syahādah* disamping keterangan lisan/dokumentar dan syarat tambahan kepada keterangan dengar cakap (*al-syahādah ‘alā al-syahādah*). Donald L. Horowitz menggunakan istilah kacukan (*hybridization*) sebagai proses gabungan antara Hukum Syarak dan undang-undang “sekular” yang sedia ada.<sup>52</sup>

Terdapat juga kacukan daripada mazhab lain seperti penerimaan kesaksian orang *fāsiq*, orang tidak bermaruah, kanak-kanak dan orang kafir. Perbezaan juga terdapat dalam konsep tohmahan yang melibatkan keterangan ibubapa/anak, suami/isteri serta orang yang mempunyai hubungan permusuhan yang sebahagiannya bukan daripada pendapat Mazhab Syāfi‘ī. Pada masa yang sama juga terdapat perbezaan pendapat antara Ulama-ulama Mazhab Syāfi‘ī. Perbezaan ini jika dilihat dari sudut yang positif, merupakan rahmat dan peluang alternatif yang luas kepada penggubal undang-undang.

Donald L. Horowitz menyimpulkan bahawa peruntukan-peruntukan Hukum Syarak yang dimasukkan ke dalam undang-undang Keterangan di Mahkamah Syariah ini adalah pemakaian secara liberal prinsip-prinsip keterangan daripada Mazhab Syāfi‘ī.<sup>53</sup> Pendapat beliau ini selaras dengan pendapat Mahmud Saedon Awang Othman<sup>54</sup> yang merupakan salah seorang yang

<sup>51</sup> Mohd. Saleh Hj. Ahmad (2005), *op.cit.*, h. 51.

<sup>52</sup> Donald L. Horowitz (1994), *op.cit.*, hh. 270-272.

<sup>53</sup> *Ibid.*

<sup>54</sup> Mahmud Saedon (1995), *op.cit.* h. 89; Ahmad Ibrahim (1995), *op.cit.*, h. 9.

banyak menyumbang kepada perkembangan dan penggubalan undang-undang ini.

Penelitian secara terperinci dan menyeluruh bagi konsep kesaksian ini sukar untuk dilakukan kerana kerangka asal undang-undang di Mahkamah Syariah ialah Akta Keterangan 1950. Saya berpendapat kajian lebih lanjut perlu dilakukan oleh ahli akademik dan penggubal undang-undang supaya penambahbaikan boleh dilakukan untuk mengelakkan kekeliruan dan keselarasan pelaksanaan undang-undang ini di Mahkamah Syariah.

